



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980

LAMAN WEB :WWW.PIKM.MY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2020(6)

17 MAC 2020

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE - 6/2020: PEKELILING PERKHIDMATAN SYARIKAT KESELAMATAN SELARAS DENGAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Ancaman wabak Covid-19 yang semakin serius telah menimbulkan kebimbangan bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia. Ekoran peningkatan kes yang mendadak dan situasi semasa wabak yang telah dikategorikan sebagai PANDEMIK, ia memerlukan tindakan pemulihan secara drastik.

3. Melalui Perutusan Khas oleh YAB Perdana Menteri bertarikh 16 Mac 2020, kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara mengikut perintah kawalan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

4. Merujuk Perintah Kawalan Pergerakan **perkara enam** iaitu penutupan semua premis kerajaan dan swasta **KECUALI** yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (**essential services**), antaranya termasuk Industri Keselamatan selaras dengan Perkara 16, *First Schedule - Essential Services* di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

5. Industri Keselamatan turut merangkumi agensi persendirian atau lebih dikenali sebagai Syarikat Keselamatan yang mesti memenuhi tuntutan kontrak. Aspek keselamatan harta benda di premis yang dikawal harus dikekalkan. Pegawai Keselamatan harus sentiasa berada di premis yang dikawal bagi mengelakkan pencerobohan, kecurian dan sebagainya. Oleh yang demikian, Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) menegaskan, **Industri Keselamatan mesti terus beroperasi seperti biasa.**

6. Bagi kakitangan selain daripada Pegawai Keselamatan, pihak pengurusan syarikat boleh memberi pelepasan kepada staff sokongan jika ia tidak menjejaskan operasi kawalan keselamatan. Ini harus dibuat mengikut tujuan utama Perintah Kawalan Pergerakan tersebut bagi mengurangkan penularan virus Covid-19.

Presiden
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

Timbalan Presiden
KAPTEN HJ NA' MUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

Naib Presiden
MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)
SALIZA BT ABDULLAH
MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

Setiausaha Kehormat
KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

Pengolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Pengolong Bendahari
DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

Ahli-ahli Jawatankuasa
DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)
MOHD YUSOFF B. M DAUD
ADNAN B. ABDULLAH
ADILA B. DATO' ABDULLAH
BR. G. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN TUDM (B)
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

Jurusudi Dalaman
MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

Pengerusi Zon Selangor
SHANKER RAJ AYANGER

Pengerusi Zon Selatan
DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

Pengerusi Zon Perak
ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Zon Kedah & Perlis
DATO' PADUKA HJ AE RAHAMAN BIN JAPAR

Pengerusi Zon Kelantan
AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Zon Pahang
MOHAMMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Zon Pulau Pinang
MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

Pengerusi Zon Melaka
DATO' GAN PENG LAM

Pengerusi Zon Negeri Sembilan
MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

Pengerusi Zon Sabah
KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

Pengerusi Zon Sarawak
SHAHARUDDIN B. SAMSI


Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTY

7. Walau bagaimanapun, pihak majikan dan pekerja dinasihatkan untuk mengikut panduan dan tindakan bagi membendung wabak covid-19 seperti yang dikemukakan oleh PIKM bertarikh 16 Mac 2020. Justeru, adalah penting Industri Keselamatan perlu diteruskan sebagaimana dinyatakan dalam perutusan khas mengenai wabak Covid-19, semalam.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, consisting of a vertical line with a loop at the top and a horizontal line extending to the right, crossing the vertical line.

**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF
PRESIDEN**

Salinan kepada:

YBrs. Tuan Zulkifli Bin Abidin
Setiausaha Bahagian
Bahagian Keselamatan
Kementerian Dalam Negeri
Aras 10, Blok D1 Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA